



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PEMBATALAN IKLAN TENDER

#### MOT/TB/2/2019

Kenyataan Tender Kementerian Pengangkutan Malaysia yang telah diiklankan di laman web ini pada **27 Ogos 2019 (Selasa)** adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa tender **MOT/TB/2/2019 Pra-Kelayakan Projek Pembesaran Dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan** adalah **dibatalkan**. Sila rujuk kepada Kenyataan Tender di pautan Tender di laman web rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk **kenyataan tawaran tender yang baharu**.

Selaras dengan pembatalan ini, petender-petender yang terlibat boleh melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. Petender yang berhasrat untuk menyertai semula tender ini adalah dikecualikan daripada membayar semula caj Dokumen Tender Pra-Kelayakan berjumlah RM300.00;
- ii. Petender yang tidak berhasrat untuk menyertai semula tender ini boleh mengemukakan permohonan pemulangan caj Dokumen Tender Pra-Kelayakan berjumlah RM300.00;
- iii. Petender baru yang berhasrat menyertai tender ini akan dikenakan caj bayaran Dokumen Tender Pra-Kelayakan berjumlah RM300.00;
- iv. Tuntutan pemulangan bayaran perlu disertakan dengan surat permohonan dan salinan asal resit rasmi yang dikeluarkan oleh Kerajaan semasa pembelian Dokumen Tender Pra-Kelayakan MOT/TB/2/2019 dan dikemukakan selewat-lewatnya pada atau sebelum 29 November 2019 (Jumaat) tertakluk kepada tarikh tutup akaun Kerajaan; dan
- v. Tuntutan semula bayaran Dokumen Tender Pra-Kelayakan selepas tarikh tersebut akan diproses mulai pada 2 Januari 2020.

Segala kesulitan amatlah dikesali.

Sekian, terima kasih.